

Kritikan berbau perkauman: PM

19 SEP 1986

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyuarakan kehairanan mengapa skandal-skandal perniagaan yang membabitkan kaum bukan Bumiputera negara ini tidak dihebohkan dan dikecam sedangkan kesannya kepada ekonomi dan imej negara amat teruk.

Sebaliknya, tegas Perdana Menteri, setiap masalah ekonomi dan perdagangan yang membabitkan Bumiputera dijadikan isu dan bahan untuk mengecam hebat kerajaan.

"Sementara BMF (Bumiputra Malaysia Finance) dan Makuwasa dijadikan isu dan skandal, perbuatan beberapa pengusaha bank dari Malaysia, yang bukan dari Bank Bumiputra, menyalahgunakan wang dua bank di Hong Kong tidak pula diberi perhatian," tegas Perdana Menteri.

Yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri ialah Ka Wah Bank dan Overseas Trust Bank. Ahli perniagaan, Patrick Chang Mien Tien, kemudiannya didakwa di mahkamah

Hong Kong dan kini sedang menjalani hukuman penjara.

Berucap merasmikan perhimpunan agung ke-37 Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Presiden Umno itu berkata, demikian juga halnya dengan peristiwa Carrian.

Hampir 100 bank lain, termasuk sebuah bank antarabangsa yang besar yang mempunyai cawangan di Malaysia, mengalami kerugian. Semua pihak, baik di Malaysia atau di Hong Kong, membisu seribu bahasa mengenai bank-bank ini.

Bank yang dimaksudkan itu ialah Hong Kong and Shanghai Banking Corporation.

"Mengapa Bank Bumiputra diheboh-hebohkan? Kerana skandal atau kerana Bumiputera? Kerana tidak suka melihat Bumiputera berjaya? Kerana seronok melihat kegagalan Bumiputera?"

"Kerana skandal BMF, Bank Bumiputra kerugian \$2,000 juta, tetapi skandal Pan-Electric (Pan-El) menyebabkan kerugian \$16,000 juta, bukan duit kerajaan, bukan semua duit tauke, tetapi duit pelabur kecil di

Malaysia, yang hampir semuanya orang Cina Malaysia," tegas Perdana Menteri.

Tanpa menyebut nama bekas Presiden MCA, Encik Tan Koon Swan, yang kini menjalani hukuman penjara dua tahun di Singapura kerana terbabit dalam skandal itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata soal siapa yang bersalah tidak perlu dibangkitkan.

"Tetapi, kerana Pan-El, buat kali pertama dalam sejarah pasaran saham Malaysia terpaksa ditutup. Kerana Pan-El harga semua saham jatuh. Kerana Pan-El ramai peniaga dan banyak syarikat bankrap. Kerana Pan-El hutang bank tidak dapat dibayar dan bank-bank rugi. Kerana Pan-El harga bangunan, harta saham jatuh sehingga lebih rendah daripada nilai cagaran kepada bank. Kerana Pan-El ekonomi negara terjejas," tegas Perdana Menteri.

Tetapi reaksi terhadap kes Pan-El tidak seperti kes BMF, kata Presiden Umno sambil bertanya: "Mengapa tidak begitu diheboh-hebohkan oleh pencipta skandal daripada parti-parti lawan? Mungkin kerana ia tidak dilakukan oleh Bumiputera?"

Kata Perdana Menteri, pada pandangan beliau, bukan kehilangan wang yang penting kepada pengkritik-pengkritik, tetapi yang menggerakkan dan mendorong mereka ialah perasaan chauvinisme dan perkauman yang tebal.

Demikian juga halnya dengan manipulasi harga di Bursa Komoditi Kuala Lumpur sedikit masa dulu sehingga menyebabkan dagangan minyak kelapa sawit di pasaran itu hampir lumpuh.

Kini, tegas Perdana Menteri, koperasi-koperasi pula menjadi mangsa penyelewengan orang tertentu yang menguasainya sehingga mengancam beratus-ratus juta wang rakyat.

"Siapakah yang menyebabkan semua ini berlaku? Orang kampungkah? Dasar Ekonomi Barukah? Atau orang di bandar-bandar yang begitu senang mengecam kerajaan, orang yang selalu menyalahkan kerajaan, orang yang begitu marah sehingga ingin melifiat Barisan Nasional kalah?"